

Hubungan Pengetahuan dan Tingkah Laku Kewangan dengan Perancangan Kewangan Persaraan dalam Kalangan Generasi Milenial

The Relationship of Financial Knowledge and Behaviour with Retirement Financial Planning Among the Millennium Generation

ZAIMAH, R., NURULHUDA MUHAMAD YUSOF, SARMILA, M. S. & ABD HAIR AWANG

ABSTRAK

Persaraan merupakan satu fasa kehidupan yang bakal dilalui oleh setiap pekerja apabila umur bersaranya tiba. Kajian lepas menunjukkan perancangan kewangan bagi tujuan persaraan dalam kalangan generasi milenial di Malaysia masih kurang berbanding luar negara. Justeru itu kajian ini akan mengkaji hubungan di antara pengetahuan kewangan dan tingkah laku kewangan dengan perancangan kewangan persaraan dalam kalangan generasi milenial. Perancangan kewangan persaraan yang dikaji melibatkan komponen pengurusan tunai, pengurusan simpanan, pengurusan kredit, pengurusan insurans, pengurusan pelaburan dan perancangan harta pusaka. Kaedah survei dengan menggunakan teknik persampelan rawak sistematik diaplikasikan dalam kajian ini. Sampel kajian adalah generasi milenial yang berkhidmat sebagai penjawat awam di Jabatan Perkhidmatan Awam, Putrajaya. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen pengumpulan data. Hasilnya seramai 270 orang responden terlibat dalam kajian ini. Analisis Korelasi Pearson digunakan bagi menjelaskan hubungan di antara pengetahuan kewangan dan tingkah laku kewangan dengan perancangan persaraan. Hasil kajian menunjukkan hanya tingkah laku kewangan menunjukkan hubungan signifikan positif sederhana dengan perancangan kewangan persaraan. Justeru itu, implikasi kajian menyarankan agar tingkah laku diberi perhatian dalam memastikan generasi milenial mempunyai perancangan persaraan yang terbaik. Perhatian harus lebih fokus kepada aspek pengurusan kredit dan perancangan pelaburan. Hal ini perlu bagi membolehkan persediaan kewangan optimum dilakukan oleh generasi ke arah kesejahteraan hidup, khususnya semasa menghadapi persaraan.

Kata kunci: Perancangan; persaraan; pengetahuan kewangan; tingkah laku kewangan; generasi milenial

ABSTRACT

Retirement is a phase of life that every employee will go through when they reach retirement age. Previous studies have shown that financial planning for retirement among the millennial generation in Malaysia is still lacking compared to other countries. Therefore, this study will examine the relationship between financial knowledge and financial behaviour with regard to retirement financial planning among the millennial generation. The research on retirement financial planning involves the components of cash management, savings management, credit management, insurance management, investment management, and estate planning. The survey method using systematic random sampling is applied in this study. The millennial generation is represented in the study by civil servants from the Public Service Department in Putrajaya. A questionnaire was used as a data collection instrument. As a result, a total of 270 respondents were involved in this study. To explain the relationship between financial knowledge and financial behaviour in retirement planning, Pearson Correlation Analysis was used. The results of the study show that only financial behaviour shows a moderately positive and significant relationship with retirement financial planning. Therefore, the implications of the study suggest that behavior should be given attention in ensuring that the millennial generation has the best retirement planning. Attention should be focused more on aspects of credit management and investment planning. This is necessary in order for the millennial generation to make the best financial preparations for their future well-being, particularly when approaching retirement.

Keywords: Planning; retirement; financial knowledge; financial behavior; millennial generation

PENDAHULUAN

Peningkatan jangka hayat penduduk di Malaysia telah menyebabkan isu persediaan persaraan yang meliputi perancangan kewangan oleh bakal pesara menjadi sangat penting dan diberi perhatian serius. Senario peningkatan jangka hayat penduduk Malaysia telah menyebabkan had umur persaraan bagi penjawat awam ditingkatkan. Bermula 1 Julai 2008, umur persaraan wajib bagi penjawat awam telah dinaikkan daripada 56 tahun kepada 58 tahun dan berkuat kuasa pada 1 Januari 2012, umur persaraan penjawat awam di Malaysia dinaikkan kepada 60 tahun (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 tahun 2011).

Bagi penjawat awam di Malaysia terdapatnya satu program yang telah diwujudkan oleh JPA bermula pada tahun 1998 kepada bakal pesara iaitu Program Persediaan Sebelum Bersara (PPSB). Ia adalah sebuah program khas untuk bakal pesara perkhidmatan awam yang bertujuan memberi pemahaman kepada golongan ini tentang kehidupan semasa bersara dan membantu mereka membuat perancangan persaraan. Kajian yang dijalankan oleh Ismail (2004) berhubung keberkesanan program ini mendapati tahap pengetahuan responden mengenai persaraan dan perancangan kewangan meningkat selepas mengikuti program tersebut. Kedua-dua aspek pengetahuan ini adalah amat penting kepada bakal pesara seperti yang dinyatakan oleh Atchley (1997) dan dipetik oleh Ismail (2004), "bagaimana seseorang itu melihat persaraan adalah bergantung kepada sejauh mana kefahamannya tentang persaraan dan persediaan untuk menghadapi situasi itu".

Pendidikan kewangan daripada peringkat awal dalam kalangan penjawat awam adalah penting sebagai persediaan mereka merancang dan mengatur hal ehwal kewangan untuk persediaan semasa bersara kelak. Kajian Delafrooz dan Paim (2011) mendapati bahawa pendidikan kewangan mempunyai kesan yang positif ke atas penambahbaikan tingkah laku kewangan (*financial behaviors*) seseorang individu, yang mana memungkinkan pengurangan tekanan dan meningkatkan tahap kesihatan atau kesejahteraan kewangan. Secara relatifnya, individu yang mempunyai tingkah laku kewangan yang baik akan merasai kepuasan kewangan yang tinggi (*financial satisfaction*). Lusardi dan Mitchell (2011) juga menyokong dapatan ini dengan menyatakan bahawa pendidikan dan perancangan kewangan penting untuk membolehkan seseorang membuat pelan persaraan. Hasilnya individu yang mempunyai

dan melaksanakan pelan persaraan berupaya mengumpulkan kekayaan lebih daripada individu yang tiada pelan persaraan. Dalam satu kajian berbeza, Lusardi dan Mitchell (2011) menyatakan kekayaan yang dikumpul oleh mereka yang merancang ialah tiga kali lebih banyak berbanding mereka yang tidak mempunyai pelan khusus bagi tujuan persaraan.

Selain itu, satu kajian lain berkenaan simpanan kewangan persaraan oleh Lai dan Tan (2009) menyatakan individu yang membuat simpanan untuk persaraan sejak awal adalah didorong oleh keinginan untuk meningkatkan penggunaan dan perbelanjaan pada masa hadapan. Namun, masih juga terdapat senario berbeza di mana segelintir individu yang tidak membuat persediaan untuk menghadapi persaraan. Kajian oleh Lim (2003) di Singapura, mendapati pekerja yang berumur kurang daripada 50 tahun tidak merasakan satu keperluan untuk merancang kewangan selepas persaraan. Begitu juga dengan Lai dan Tan (2009) apabila hasil dapatannya menunjukkan keputusan yang hampir sama, iaitu hanya 10% daripada 400 orang responden di Lembah Kelang memikir dan merancang kewangan untuk menghadapi persaraan.

Permasalahan berkaitan ketidakupayaan ini juga disokong oleh Jariah et al. (2012) yang mendapati 12.5% daripada 2327 orang responden yang berumur 55-75 tahun memilih untuk meminjam wang bagi menyara kehidupan selepas bersara. Selain itu, kajian ini turut mendapati 25% daripada mereka tidak mempunyai simpanan wang yang boleh digunakan ketika kecemasan. Sementara Chan et al. (2010) mendapati majoriti daripada responden kajian beliau kembali bekerja selepas bersara kerana tuntutan kewangan. Sebaliknya, hanya segelintir daripada mereka kembali bekerja disebabkan oleh faktor kepuasan dan pencapaian diri. Begitu juga dengan kajian oleh Jobli (2005) yang menyatakan bahawa pesara tentera yang rata-ratanya bersara pada usia 40-45 tahun, menyambung kerjaya untuk menambahkan pendapatan di samping menyumbang tenaga bagi pembangunan negara.

Hal ini jelas menunjukkan bahawa tanpa persediaan dan perancangan yang rapi, dunia persaraan pastinya tidak memberikan kesejahteraan dan ketenangan kepada bakal pesara. Persaraan boleh menjadi proses yang rumitkan bagi seseorang individu atau menyeronokkan bagi individu lain bergantung kepada persiapan diri, sokongan keluarga dan peranan agensi-agensi formal berkaitan persaraan (Ismail 2004). Justeru artikel ini akan membincangkan hubungan di antara

pengetahuan kewangan dan tingkah laku kewangan dengan perancangan kewangan ke arah persaraan dalam kalangan generasi milenial di JPA, Putrajaya.

SOROTAN LITERATUR

GENERASI MILENIAL DAN PERANCANGAN KEWANGAN

Persediaan menghadapi persaraan memerlukan perancangan kewangan yang rapi. Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi sikap dan tingkah laku dalam melaksanakan amalan kewangan yang baik. Generasi milenial merupakan kelompok generasi yang perlu membuat perancangan kewangan bagi persaraan kerana terdapat kajian-kajian lepas menunjukkan persediaan kewangan daripada peringkat awal perkerjaan akan memberikan pulangan yang berlipat kali ganda dan seterusnya mengukuhkan kedudukan kewangan untuk persaraan. Perkara ini dibuktikan melalui kajian Arunagiri dan Faudziah (2013) yang mendapati faktor umur mempengaruhi tahap kesediaan pekerja dan perspektif pekerja tentang perancangan kewangan untuk persaraan. Kajiannya mendapati generasi milenial yang berumur 25 hingga 39 tahun mempunyai kefahaman dan keyakinan lebih tinggi untuk membuat persiapan persaraan berbanding pekerja yang lebih tua. Kefahaman yang tinggi dalam kalangan generasi ini membolehkan mereka membuat persediaan yang lebih awal dan rapi kerana mempunyai tempoh masa yang lebih panjang sebelum bersara kelak.

Sementara itu Lim (2003) mendapati sikap pekerja muda lebih stabil dan kukuh terhadap perancangan kewangan berbanding pekerja berusia. Hal ini menunjukkan pekerja muda sudah mula membuat persediaan untuk menempuh fasa persaraan kelak. Seterusnya, Henry et al. (2001) menyatakan individu yang berusia 25 tahun ke atas telah mula merancang kewangan masing-masing berdasarkan matlamat yang ingin dikecapi dan mula mengumpul wang, meningkatkan tahap pendidikan, mencari dan mengukuhkan kerjaya dan seterusnya memulakan kehidupan berkeluarga. Oleh itu, membuat pinjaman bagi tujuan mencapai matlamat kewangan masing-masing adalah sesuatu yang diperlukan. Walau bagaimanapun, Laporan Kaji Selidik oleh Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC 2012) berkaitan tingkah laku dan tabiat kewangan dalam kalangan pekerja muda, terdapat 47% golongan pekerja muda yang berumur

18 hingga 35 tahun mengalami masalah hutang yang serius. Statistik ini menjelaskan ketidakmampuan generasi milenial menguruskan hutang dengan betul.

Malah menurut *National Summit on Retirement Saving* (2002), pembelian barangan yang tidak dirancang sering menyebabkan pekerja muda berada dalam keadaan keberhutangan kerana dengan berhutang telah memudahkan seseorang individu memiliki apa yang diidamkan tanpa menyedari bebanan hutang yang perlu ditanggung. Seterusnya kajian oleh Rubayah et al. (2015) terhadap generasi milenial mendapati terdapatnya kecenderungan generasi ini untuk menambah hutang yang tidak sepatutnya kerana ingin memenuhi tuntutan gaya hidup yang materialistik dan boros. Kajian juga menunjukkan generasi ini mudah terjebak dengan hutang pada usia muda kerana kos sara hidup yang tinggi dan sikap institusi kewangan yang memberikan kredit secara tidak bertanggungjawab yang akhirnya menyebabkan mereka alpa untuk membuat perancangan kewangan terutama yang berkaitan dengan simpanan hari tua, insurans, takaful, pelaburan, hutang dan kad kredit.

Justeru itu, perancangan kewangan yang berkaitan dengan pengurusan kad kredit dan pinjaman amat penting. Hal ini kerana peratus kesedaran dalam kalangan pekerja muda tentang pengurusan kad kredit dan pinjaman masih pada tahap sederhana akibat kurangnya pengetahuan (Nuraini et al. 2013). Jessica (2014) pula mendapati semakin ramai generasi milenial yang mufliis adalah disebabkan menanggung bebanan hutang yang amat serius seperti kad kredit, pinjaman membeli kereta dan pinjaman peribadi. Statistik pada tahun 2005 hingga 2012 menunjukkan daripada seramai 243,823 orang yang mufliis sebanyak 57% adalah mereka yang berusia di bawah 40 tahun, 50% adalah generasi milenial merupakan pemegang kad kredit tegar, 15% daripada mereka tiada tabungan atau simpanan dan sebanyak 37% tidak pernah memikirkan persediaan untuk persaraan.

Kaji selidik yang dijalankan oleh CRRC (2012) mengenai perilaku dan tabiat kewangan golongan pekerja muda mendapati 37% daripada golongan ini mengakui telah berbelanja melebihi gaji bulanan. Apabila terjadinya perancangan kewangan yang lemah dan kurangnya pengetahuan mengenai perancangan wang dalam kalangan generasi milenial ini boleh menjurus kepada permasalahan hutang. Senario ketidakcukupan pengetahuan kewangan menjadi cabaran utama golongan ini melakukan persediaan ke arah kewangan yang stabil dan mampan semasa persaraan.

PERANCANGAN KEWANGAN KE ARAH PERSARAAN

Pada masa kini, wujudnya persepsi negatif masyarakat terhadap warga tua kerana golongan ini sering dikategorikan sebagai '*economically vulnerable*' disebabkan oleh pendapatan yang semakin berkurang selepas usia persaraan dan ketidakupayaan untuk bekerja atas alasan kesihatan yang tidak mengizinkan. Berdasarkan laporan Rancangan Malaysia Ke-8, isi rumah yang diketuai oleh warga tua berusia 65 tahun ke atas mengalami insiden kemiskinan yang tinggi iaitu 22.7 peratus. Hal ini disokong oleh kajian Choudhry dan Leonesio (1997) mendapati kemungkinan untuk warga tua wanita hidup dalam kemiskinan adalah dua kali ganda lebih tinggi daripada warga tua lelaki. Hal ini kerana warga tua lelaki dilihat lebih berkerjaya dan berpendidikan, justeru mereka mempunyai lebih pendapatan untuk disimpan berbanding warga tua wanita yang kebanyakannya hanyalah suri rumah dan mengharapkan pemberian wang daripada anak-anak pada usia tua nanti.

Kewujudan pelan perancangan kewangan dilihat mampu memberikan keyakinan dalam mencapai persaraan (Sabri & Teo 2014). Walaupun pelbagai pelan perancangan kewangan disediakan, namun kesedaran dalam kalangan individu keseluruhannya mengenai perancangan kewangan yang stabil masih ditahap yang membimbangkan dan perlu diberi perhatian. Dalam kajian Zuriana dan Rosniyati (2012) menyatakan beberapa faedah merancang dan mengurus kewangannya ke arah persaraan dengan baik iaitu lebih berupaya untuk menguruskan hutang dan perbelanjaan serta mengelakkan kebangkrutan mahupun kebergantungan kepada orang lain. Kajian perancangan kewangan secara khusus iaitu merancang untuk persaraan didapati turut dilakukan selain bagi tujuan mengerjakan haji, modal perniagaan dan perancangan pendidikan anak-anak dalam kajian dibuat oleh Tengku Aizan et al. (2004).

Selain itu, Lai dan Tan (2009) juga menyebut bahawa perancangan kewangan amatlah penting kerana seseorang individu yang memasuki usia tua berkemungkinan untuk mempunyai tahap kesihatan yang kurang memuaskan. Pelbagai jenis penyakit seperti kencing manis, darah tinggi dan sakit jantung lazimnya memerlukan kos perubatan yang tinggi, terutamanya jika mendapat rawatan di hospital swasta. Mengikut kaji selidik yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2013, secara purata tahap celik kewangan rakyat

Malaysia yang menghampiri umur persaraan adalah jauh lebih rendah, manakala sikap dan tingkah laku terhadap pengurusan kewangan juga didapati kurang memberangsangkan berbanding bagi rakyat Malaysia daripada kumpulan umur lain.

Tan (2015) dalam kajiannya mendapati terdapat persepsi yang signifikan terhadap perancangan kewangan untuk persaraan dalam kalangan kumpulan umur yang lebih tua, iaitu berusia di atas 46 tahun. Perbezaan persepsi dalam kalangan kumpulan umur yang berbeza ini boleh dikaitkan dengan kumpulan umur yang lebih muda kerana mereka mempunyai pendapatan yang lebih rendah dan komitmen kewangan lain yang lebih tinggi. Hal ini menunjukkan bakal pesara yang menghampiri umur persaraan dilihat lebih stabil untuk meningkatkan simpanan bagi persaraan berbanding pekerja muda yang mempunyai pelbagai komitmen kewangan bulanan yang perlu diselesaikan sebelum membuat simpanan untuk persaraan.

Selain itu, terdapat juga senario di mana masih ada individu yang merasakan wang yang banyak tidak diperlukan apabila bersara kelak. Kajian Lai et al. (2009) menunjukkan kebanyakan rakyat Malaysia kurang mengambil serius berkaitan perancangan kewangan untuk persaraan kerana cenderung menganggap wang pencen atau wang simpanan KWSP adalah mencukupi bagi menampung kehidupan setelah bersara. Sebaliknya pihak KWSP pada tahun 2013 mendapati sebanyak 69% ahli KWSP yang berumur 54 tahun mempunyai simpanan sebanyak RM50,000 ke bawah dan sebanyak 50% pesara telah menghabiskan wang simpanan KWSP mereka dalam tempoh kurang lima tahun setelah bersara.

Seterusnya Khoong (2015) mendapati individu yang terus kekal menyimpan dalam skim KWSP memiliki tahap risiko yang rendah untuk menghadapi masalah kewangan berbanding mereka yang membuat pengeluaran simpanan semasa tempoh pra-persaraan. Pengakhiran pekerjaan atau persaraan akan menyebabkan seseorang individu mengalami perubahan dalam kitaran hidup mereka. Menurut Bernheim et al. (2001), perbelanjaan akan menurun apabila bersara dan berlakunya hubungan negatif antara simpanan persaraan dan magnitud perbelanjaan. Perbelanjaan akan terus menurun bagi individu yang mempunyai simpanan yang sedikit kerana mereka tidak mempunyai tabungan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan perbelanjaan seperti sebelum persaraan berlaku. Justeru itu, perancangan kewangan adalah pilihan utama untuk

dilaksanakan kerana ia memerlukan kesedaran daripada peringkat awal bagi memperuntukkan simpanan sebagai jaminan selepas persaraan.

PENGETAHUAN KEWANGAN

Definisi pengetahuan kewangan telah ditakrifkan dan terbukti mempunyai kesan yang signifikan ke atas perancangan kewangan (Jodi et al. 1998). Pemahaman kewangan terhadap inflasi, kadar pulangan, pelaburan sewa-beli kenderaan, serta pengurusan risiko adalah sebahagian daripada contoh pengetahuan kewangan. Amalan perancangan kewangan merangkumi aspek perancangan hutang, pelaburan, insurans, persaraan dan perancangan estet (Jodi & Phyllis 1998). Berdasarkan satu indeks amalan kewangan yang mengandungi empat pemboleh ubah, iaitu pengurusan aliran tunai, pengurusan kredit, simpanan dan amalan pelaburan, didapati mereka yang mempunyai skor pengetahuan kewangan yang tinggi juga mempunyai amalan kewangan yang baik (Hilgert & Hogarth 2003). Hal ini jelas menunjukkan pendidikan kewangan akan meningkatkan pengetahuan kewangan dan akan memberi kesan positif terhadap tingkah laku kewangan.

Kajian oleh Guliman (2015) menyatakan terdapat hubungan yang positif antara pendidikan kewangan dengan tahap pengetahuan kewangan dalam kalangan usahawan di bandar Iligan. Dapatan ini dapat dibuktikan apabila usahawan yang mempunyai peringkat pengajian yang lebih tinggi mempunyai tahap literasi kewangan yang lebih tinggi. Sucuahi (2013) dalam kajiannya menyimpulkan bahawa usahawan yang mendapat pendidikan kewangan yang tinggi mampu untuk mengatasi masalah berkaitan isu kewangan berbanding dengan usahawan yang mempunyai pendidikan kewangan yang rendah.

Terdapat pelbagai kajian lepas yang mengaitkan pengetahuan kewangan dengan literasi kewangan. Kajian Huston (2010) telah menyatakan bahawa pengetahuan kewangan dan literasi kewangan adalah merupakan modal insan namun berbeza konstruk. Hal ini kerana pengetahuan kewangan merupakan sesuatu dimensi penting tetapi tidak bersamaan dengan literasi kewangan di mana literasi kewangan mempunyai aplikasi tambahan yang menunjukkan bahawa seseorang individu mesti mempunyai keupayaan dan keyakinan menggunakan pengetahuan kewangan untuk membuat keputusan kewangan.

Bell dan Lerman (2005) mendapati individu yang berpengetahuan mengenai kewangan akan membuat keputusan yang bijak sebelum membuat pilihan pembelian. Dapatan ini selari dengan Zaimah (2014) yang mendapati individu yang memiliki pengetahuan asas kewangan akan lebih mudah mencapai matlamat keteguhan dan kesejahteraan kewangan dalam hidup. Lusardi dan Mitchell (2007) pula menyatakan bahawa kurangnya pengetahuan kewangan mempengaruhi keinginan individu untuk mengambil pinjaman peribadi dan kad kredit tanpa menyedari akibat yang akan ditanggung kemudian. Kurangnya pengetahuan mengenai aspek kewangan peribadi dan amalan perancangan kewangan yang tidak bijak dan berhemah akan menyumbang kepada pengurusan hutang yang lemah.

Kajian oleh Nuraini et al. (2013) menyatakan pengetahuan kewangan yang kurang dalam kalangan pekerja muda menjadikan mereka golongan sasaran oleh institusi kewangan bagi memperolehi keuntungan. Hal ini dibuktikan dalam dapatan kajiannya di mana pekerja muda tidak mempunyai pengetahuan dalam penggunaan kad kredit dan terjebak dalam isu keberhutangan atau tunggakan yang tinggi.

TINGKAH LAKU KEWANGAN

Tingkah laku kewangan adalah satu sistem pengurusan kewangan yang sistematik seperti membuat simpanan secara konsisten dengan menulis rancangan dan matlamat kewangan yang hendak dicapai (Titus et al. 1989). Dalam usaha meningkatkan tahap kesejahteraan ekonomi dalam kalangan generasi milenial yang akan menghadapi dunia persaraan dan menjadi golongan tua, aspek-aspek berkaitan tingkah laku kewangan perlu diberi perhatian serius. Hal ini diakui oleh Mohd Abdullah dan Nur Atiqah (2018) dalam kajiannya bahawa dalam usaha untuk meningkatkan tahap kewangan seseorang individu tidak seharusnya tertumpu kepada keperluan pengetahuan kewangan semata-mata, tetapi penilaian tingkah laku kewangan juga haruslah dititikberatkan. Justeru, hubungan di antara tingkah laku kewangan dan pengetahuan kewangan perlu dikaji dengan teliti bagi mengetahui hubungan antara dimensi yang berbeza ini dalam perancangan kewangan (Bushan & Medury 2014). Kajian oleh Hilgert dan Hogarth (2003) juga bersetuju dengan perkara tersebut dan menyatakan bahawa tingkah laku kewangan didapati mempunyai hubungan dengan tahap pengetahuan kewangan.

Penyelidikan juga menunjukkan bahawa pelbagai jenis program pendidikan kewangan dan penyebaran maklumat boleh memberi pengaruh positif terhadap tingkah laku kewangan ke arah tabungan persaraan (Lusardi 2005; Clark et al. 2006). Seminar pendidikan, komunikasi secara bertulis dan maklumat melalui laman web didapati digunakan sebagai alat pendidikan yang berkesan dalam proses ini. Penyelidikan juga menunjukkan bahawa majikan atau pengurus syarikat turut menggunakan sumber pendidikan seperti melaksanakan seminar dan bengkel, komunikasi dua hala dan perkongsian laman web berkaitan pengurusan kewangan memberikan kesan positif dalam mendidik pekerja mereka ke arah penjimatan dan perancangan kewangan persaraan (Bernheim 1998). Maka, hal yang berlaku ini menunjukkan bahawa sumber pendidikan kewangan adalah sumber utama dalam menjana pengetahuan kewangan seterusnya mewujudkan perkaitan yang rapat dengan tingkah laku kewangan.

Terdapat penyelidikan mengenai tingkah laku kewangan menunjukkan bahawa individu mempamerkan ciri-ciri tingkah laku berbeza apabila melibatkan hal-hal berkaitan amalan berjimat cermat atau melabur untuk simpanan persaraan jangka panjang kerana merasakan mereka tidak terikat untuk melakukannya (Shefrin 2002). Kajian oleh Choi et al. (2002) dan Gallery dan Gallery (2005) pula mendapati tingkah laku kewangan juga berpunca daripada inersia dan penangguhan dalam membuat keputusan yang mempengaruhi tingkah laku seterusnya menghalang perilaku tabungan persaraan individu. Pengaruh tingkah laku lain seperti heuristik, penghasilan keputusan dan keengganan kerugian juga telah dikenal pasti sebagai kelakuan tingkah laku yang berpotensi menghalang pengambilan keputusan yang cekap. Kahneman (2003) menyatakan banyak kajian lepas menunjukkan kesilapan besar dalam membuat keputusan berkaitan kewangan merupakan perkara yang dikhuatiri oleh individu dan menjadi di antara implikasi tingkah laku kewangan yang ingin dielakkan oleh seseorang individu seperti ketika membuat pilihan dalam perancangan pelaburan hadapan.

Tingkah laku kewangan yang baik juga boleh mengurangkan tekanan kewangan (Husniyah & Fazilah 2009). Tingkah laku kewangan yang positif seperti berusaha mengurangkan pinjaman peribadi,

mematuhi belanjawan, mengurangkan perbelanjaan hidup, merancang kewangan, membuat simpanan persaraan dan meningkatkan simpanan mampu mengurangkan tekanan kewangan dan memberi kesan langsung kepada kesejahteraan kewangan (Garman & Sorhaindo 2002). Tingkah laku kewangan yang baik mampu merubah cara pengurusan perbelanjaan seseorang agar lebih berhemah dan realistik bergantung kepada kemampuan semasa mereka. Terdapat juga faktor sosioekonomi seperti umur, status perkahwinan, status pekerjaan, pendapatan, pendidikan dan persepsi positif ke atas kompetensi kewangan peribadi juga mempunyai hubungan yang signifikan dengan pelaksanaan beberapa bentuk amalan kewangan (Joo & Grable 2004).

Kajian Aishah dan Katiman (2012) terhadap warga tua di Selangor membuktikan perubahan ekonomi menyebabkan semakin ramai ibu bapa tidak sepenuhnya lagi bergantung pada anak-anak kerana mereka berkemampuan dan mempunyai sumber kewangan untuk menampung perbelanjaan semasa persaraan. Justeru, tidak dapat dinafikan kehidupan di zaman yang serba moden dan membangun ini, faktor kewangan amat penting sebagai persediaan menjelang hari tua. Kecelikan atau pengetahuan kewangan disertai dengan pelaksanaan tingkah laku kewangan yang betul amat mempengaruhi perancangan kewangan setiap individu khususnya sebelum tempoh persaraan tiba bagi membolehkan aspek kewangan dan ekonomi pada kehidupan hari tua akan lebih terjamin dan bahagia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk menganalisis data statistik berkaitan perancangan kewangan ke arah persaraan dalam kalangan generasi milenial. Populasi kajian adalah penjawat awam dalam kategori generasi milenial, iaitu berumur dalam lingkungan 20 hingga 39 tahun (Yuswohady 2016). Berdasarkan senarai maklumat yang diperolehi daripada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam, terdapat seramai 834 orang penjawat awam dalam kategori generasi milenial. Berdasarkan populasi tersebut, 270 sampel adalah memadai bagi kajian ini dengan aras signifikan adalah 95% (Yamane 1967). Seterusnya pemilihan sampel dilakukan dengan menggunakan kaedah persampelan rawak sistematik.

Teknik ini dimulakan dengan menyenaraikan kesemua populasi yang berkemungkinan untuk dipilih dengan nombor. Pemilihan data adalah dibuat dengan cara mendapatkan saiz gandaan (k) ialah dengan membahagikan saiz populasi (N) dengan saiz sampel (n). Pengambilan persampelan ini dibuat dengan hanya nombor pertama sahaja dipilih secara rawak manakala nombor berikutnya dipilih secara sistematik mengikut suatu pola tertentu. Pemilihan subjek kajian dilakukan berdasarkan selang atau gandaan tertentu. Berdasarkan senarai populasi (834 orang) dan saiz sampel (270 orang), maka nilai gandaan (k) ialah 3. Borang soal selidik diedarkan kepada 270 penjawat awam di 14 bahagian JPA secara serahan tangan kepada wakil setiap bahagian. Responden diberikan tempoh satu minggu untuk menjawab borang soal selidik. Hasilnya 270 borang soal selidik lengkap berjaya dikutip dalam tempoh dua minggu daripada tarikh serahan.

Instrumen kajian adalah borang soal selidik yang dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu profil responden, perancangan kewangan; pengetahuan kewangan dan tingkah laku kewangan. Perancangan kewangan terbahagi kepada enam pecahan, iaitu pengurusan tunai, pengurusan simpanan, pengurusan kredit, pengurusan insurans, perancangan pelaburan dan perancangan harta pusaka. Pengukuran soalan bahagian ini menggunakan skala likert 1-5, iaitu 1=sangat tidak setuju, 2=tidak setuju, 3=kurang setuju, 4=setuju dan 5=sangat setuju. Pengetahuan kewangan diukur berdasarkan 10 pernyataan yang menghendaki responden menjawab sama ada 'betul' atau 'salah' pernyataan yang diberikan. Jawapan betul akan diberikan "1" markah, sebaliknya jawapan salah akan diberikan "0" markah. Tingkah laku kewangan pula diukur berdasarkan 10 soalan menggunakan skala likert 1-5, iaitu 1=tidak pernah, 2=jarang-jarang, 3=kadang-kadang, 4=kerap kali dan 5=sentiasa. Soalan-soalan dalam borang ini telah diperolehi dan diadaptasi daripada Zaimah et al. (2012), Magesvari et al. (2018) dan Noor Atiqah et al. (2017).

Kajian rintis juga telah dijalankan ke atas 10 orang penjawat awam yang berumur 20 hingga 39 tahun di JPA, Putrajaya. Analisis kebolehpercayaan telah dilakukan dan nilai Cronbach Alpha (Cronbach 1946) yang diperolehi bagi perancangan kewangan adalah di antara $\alpha = 0.694$ hingga 0.8970 (pengurusan tunai, $\alpha = 0.897$; pengurusan simpanan, $\alpha = 0.800$; pengurusan kredit, $\alpha = 0.694$; pengurusan insurans, $\alpha = 0.841$; perancangan pelaburan, $\alpha = 0.833$; perancangan harta pusaka, $\alpha = 0.817$). Pengetahuan kewangan dan tingkah laku kewangan pula masing-masing mencatatkan nilai Cronbach Alpha $\alpha = 0.834$ dan $\alpha = 0.930$. Analisis deskriptif dan analisis inferensi telah digunakan untuk mentafsir data yang diperolehi. Tahap perancangan kewangan persaraan ditentukan berdasarkan kepada skor purata, iaitu 1.00-2.33 (Rendah), 2.34-3.67 (Sederhana) dan 3.68-5.00 (Tinggi). Ujian korelasi Pearson dilakukan bagi melihat hubungan di antara pemboleh ubah yang terlibat. Analisis hubungan antara dua pemboleh ubah bagi kajian ini diukur berdasarkan kekuatan nilai pekali korelasi (Zulkarnain & Hishamudin 2001; Chua 2014).

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

PROFIL RESPONDEN

Jadual 1 menunjukkan profil responden dan maklumat pekerjaan. Seramai 270 responden terlibat dalam kajian ini, iaitu 37% lelaki dan 63% perempuan. Majoriti responden berumur 35 hingga 39 tahun (58.8%) dan selebihnya berumur 30 hingga 34 tahun (28.1%), 25 hingga 29 tahun (11.5%) dan 20 hingga 24 tahun (1.5%). Majoriti responden adalah Melayu dan beragama Islam (97%). Majoriti responden telah berkahwin (84.4%) dan selebihnya bujang (13.3%), ibu tunggal (1.5%) dan bapa tunggal (0.4%). Majoriti responden menetap di Putrajaya (71.5%) dan selebihnya tinggal di luar kawasan Putrajaya (28.5%). Status tempat tinggal menunjukkan separuh responden menetap di kuarters kerajaan (50.4%) dan selebihnya menetap di rumah sendiri (29.3%), rumah sewa (13%) dan rumah keluarga (7.4%).

JADUAL 1. Profil responden dan maklumat pekerjaan

Item	Kekerapan (%)	Item	Kekerapan (%)
Jantina		Status Tempat Tinggal	
Lelaki	100 (37)	Milik Sendiri	79 (29.3)
Perempuan	170 (63)	Rumah Sewa	35 (13)
Umur		Kuarters Kerajaan	136 (50.4)
20-24 tahun	4 (1.5)	Rumah Keluarga	20 (7.4)
25-29 tahun	31 (11.5)	Pendapatan Isi Rumah	
30-34 tahun	76 (28.1)	RM4,360.00	130 (48.1)
35-39 tahun	159 (58.8)	RM4,360.00-RM9,619.00	120 (44.4)
Etnik		RM9,619.00-RM13,147.00	17 (6.3)
Melayu	262 (97)	RM13,148.00 ke atas	3 (1.1)
Cina	1 (0.4)	Kelulusan Akademik	
India	6 (2.2)	SPM	60 (22.2)
Lain-lain	1 (0.4)	STPM	17 (6.3)
Agama		Diploma	89 (33)
Islam	262 (97)	Ijazah	74 (27.4)
Buddha	1 (0.4)	Sarjana	30 (11.1)
Hindu	5 (1.9)	Kumpulan Perkhidmatan	
Kristian	2 (0.7)	Kumpulan Pelaksana	188 (69.6)
Status Perkahwinan		Pengurusan dan Profesional	82 (30.4)
Bujang	37 (13.7)	Tempoh Berkhidmat	
Berkahwin	228 (84.4)	1-5 tahun	47 (17.4)
Ibu Tunggal	4 (1.5)	6-10 tahun	83 (30.7)
Bapa Tunggal	1 (0.4)	11-15 tahun	109 (40.4)
Bilangan Tanggungan		16 tahun ke atas	31 (11.5)
Tiada	20 (7.4)	Pilihan Umur Bersara	
1-2 orang	108 (40)	55 tahun	11 (4.1)
3-4 orang	94 (34.8)	56 tahun	37 (13.7)
5-6 orang	40 (14.8)	60 tahun	208 (77)
6 orang ke atas	8 (3)	Lain- lain	14 (5.2)
Lokasi Tempat Tinggal			
Putrajaya	193 (71.5)		
Luar Putrajaya	77 (28.5)		

Tahap kelulusan akademik responden adalah pelbagai, iaitu Diploma (33%), Ijazah (27.4%), Sijil Pelajaran Malaysia (22.2%), Sarjana (11.1%) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (6.3%). Taburan pendapatan isi rumah responden tertinggi ialah RM4,360 (48.1%) diikuti oleh RM4,360 hingga RM9,619 (44.4%), RM9,619 dan RM13,147 (6.3%) dan melebihi RM13,148 (1.1%). Taburan bilangan tanggungan responden adalah antara 1 hingga 2 orang (40%), 3 hingga 4 orang (34%), 5 hingga 6 orang (14.5%), 6 orang (3%) dan tidak mempunyai tanggungan (7.4%).

Majoriti responden merupakan penjawat awam dalam kalangan Kumpulan Pelaksana (69.6%) dan selebihnya Pegawai Pengurusan dan Profesional (30.4%). Majoriti responden telah berkhidmat selama 11 hingga 15 tahun (40.4%), diikuti oleh 6 hingga 10 tahun (30.7%), 1 hingga 5 tahun (17.4%) dan berkhidmat melebihi 16 tahun (11.5%). Majoriti responden memilih untuk bersara pada umur 60 tahun (77%), diikuti umur 56 tahun (13.7%), 55

tahun (4.1%) dan lain-lain umur (5.2%). Secara keseluruhannya, responden adalah generasi milenial yang telah matang, berpengalaman dalam pekerjaan, mempunyai tanggungan dan komitmen pada keluarga serta memperoleh pendapatan yang stabil.

PERANCANGAN KEWANGAN PERSARAAN

Jadual 2 menunjukkan ringkasan terhadap dapatan nilai purata bagi keenam-enam elemen perancangan kewangan bagi kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai purata perancangan kewangan bagi generasi milenial di JPA, Putrajaya adalah pada tahap tinggi (3.72). Dapatan ini menunjukkan bahawa generasi milenial di JPA, Putrajaya telah mempunyai perancangan kewangan persaraan yang baik ia secara langsung telah menjawab objektif pertama kajian ini. Namun begitu, elemen pengurusan kredit dan perancangan pelaburan berada pada tahap sederhana. Maka pengurusan kredit perlu dipertingkatkan bagi

mengelakkan responden daripada terjerumus dalam masalah kewangan yang serius seperti keberhutangan yang tinggi dan kebangkrapan. Penglibatan responden dalam perancangan pelaburan juga masih kurang

memuaskan. Hal ini berkemungkinan disebabkan oleh faktor sosioekonomi mereka dan pengetahuan mengenai pelaburan.

JADUAL 2. Tahap Perancangan Kewangan Persaraan

Bil	Elemen	Purata*	Tahap
1.	Pengurusan Tunai	3.92	Tinggi
2.	Pengurusan Simpanan	3.78	Tinggi
3.	Pengurusan Kredit	3.45	Sederhana
4.	Pengurusan Insurans	3.78	Tinggi
5.	Perancangan Pelaburan	3.37	Sederhana
6.	Perancangan Harta Pusaka	4.02	Tinggi
		3.72	Tinggi

Skor purata: 1.00-2.33 (Rendah); 2.34-3.67 (Sederhana); 3.68-5.00 (Tinggi)

PENGETAHUAN KEWANGAN

Skor pengetahuan kewangan responden berada pada julat 5 (minimum) hingga 10 (maksimum). Taburan skor pengetahuan kewangan responden adalah skor 5 (1.9%), skor 6 (4.4%), skor 7 (13.3%), skor 8 (21.2%), skor 9 (24.4%) dan skor 10 (34.8%). Berdasarkan formula Yiing (2018), pengukuran tahap pengetahuan kewangan adalah pada julat antara 0 hingga 10 ($0 \leq s \leq 10$), iaitu 's' yang julat antara 0 hingga 3 adalah lemah, julat 4 hingga 6 adalah sederhana dan julat 7 hingga 10 adalah tinggi. Hasilnya 93.7% responden mempunyai tahap pengetahuan kewangan tinggi dan selebihnya sederhana. Hal ini menunjukkan kecelikan teknologi maklumat membolehkan generasi milenial memperolehi pengetahuan dan pendidikan berkaitan kewangan dengan mudah kerana segala maklumat berada di hujung jari mereka. Nornadia et al. (2017) turut menyatakan pengetahuan kewangan merupakan faktor penting yang dikenal pasti mampu mempengaruhi pembuatan keputusan kewangan seseorang individu khususnya dalam era kewangan yang semakin kompleks dengan pelbagai penawaran instrumen kewangan yang bersifat serba canggih dan berteknologi tinggi.

TINGKAH LAKU KEWANGAN

Skor purata tingkah laku kewangan responden berada pada julat 3.46 hingga 4.44. Secara keseluruhan pula, skor kumulatif tingkah laku kewangan berada pada tahap tinggi, iaitu 3.96. Rata-rata responden kajian mengamalkan tingkah laku yang baik bagi sebahagian besar pernyataan yang diberikan terutamanya dalam hal pembayaran, seperti membayar bil-bil utiliti, ansuran/sewa rumah

dan kereta/motosikal. Penelitian dalam hal berkaitan perbelanjaan, belanjawan bulanan dan simpanan untuk tujuan kecemasan serta persaraan berada pada tahap sederhana tinggi. Kajian ini juga mendapati terdapatnya responden yang menghadapi masalah untuk melangsaikan bil-bil kad kredit dan tidak berupaya membuat simpanan. Hal ini dikaitkan dengan aktiviti perbelanjaan yang melebihi pendapatan selain komitmen kewangan keluarga yang semakin bertambah mendorong kepada tingkah laku kewangan yang tidak memenuhi matlamat perancangan kewangan yang disasarkan.

HUBUNGAN PENGETAHUAN, TINGKAH LAKU DAN PERANCANGAN KEWANGAN PERSARAAN

Jadual 3 menunjukkan keputusan ujian inter-Korelasi Pearson yang telah dijalankan terhadap pengetahuan kewangan dan tingkah laku kewangan dengan enam elemen perancangan kewangan, iaitu pengurusan tunai, pengurusan simpanan, pengurusan kredit, pengurusan insurans, perancangan pelaburan dan perancangan harta pusaka. Semua elemen perancangan kewangan persaraan mempunyai korelasi yang signifikan dan positif dengan tingkah laku kewangan, iaitu pengurusan tunai ($r=.360$, $p<0.01$), pengurusan simpanan ($r=.576$, $p<0.01$), pengurusan kredit ($r=.310$, $p<0.01$), pengurusan insurans ($r=.281$, $p<0.01$), perancangan pelaburan ($r=.314$, $p<0.01$) dan perancangan harta pusaka ($r=.184$, $p<0.01$). Dapatan ini selari dengan Mohd Amim (2017) yang mendapati wujudnya hubungan positif antara tingkah laku kewangan dan perancangan kewangan dalam kalangan kakitangan awam di Putrajaya. Sebaliknya hanya tiga elemen perancangan kewangan persaraan mempunyai

korelasi yang signifikan dengan pengetahuan kewangan, iaitu pengurusan simpanan ($r=.129$, $p<.05$), pengurusan kredit ($r=.252$, $p<.05$) dan perancangan pelaburan ($r=-.149$, $p<.05$). Namun

begitu, hubungan pengetahuan kewangan dengan perancangan pelaburan adalah negatif, bermakna semakin berpengetahuan semakin berhati-hati responden dalam melakukan perancangan pelaburan.

JADUAL 3. Analisis inter-korelasi antara pengetahuan kewangan, tingkah laku dan elemen perancangan kewangan persaraan

	1	2	3	4	5	6	7	8
Pengurusan Tunai	1							
Pengurusan Simpanan	.438** .000	1						
Pengurusan Kredit	.196** .000	.305** .000	1					
Pengurusan Insuran	.197** .001	.315** .000	.172** .005	1				
Perancangan Pelaburan	.297** .000	.456** .000	.400** .000	.204** .001	1			
Perancangan Harta Pusaka	.173** .004	.191** .002	.180** .003	.239** .000	.240** .000	1		
Pengetahuan Kewangan	-.059 .333	.129* .035	.252** .000	-.149* .014	.106 .083	-.035 .567	1	
Tingkah Laku Kewangan	.360** .000	.576** .000	.310** .000	.281** .000	.314** .000	.184** .002	.133* .028	1

**Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)

*Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed)

Nota: 1=Pengurusan Tunai, 2=Pengurusan Simpanan, 3= Pengurusan Kredit, 4= Pengurusan Insurans, 5=Perancangan Pelaburan, 6=Perancangan Harta Pusaka, 7=Pengetahuan Kewangan, 8=Tingkah Laku Kewangan

Selain itu, hubungan di antara pengetahuan kewangan dengan tingkah laku kewangan pula menunjukkan korelasi positif sangat lemah iaitu ($r=.133$, $p<.05$). Dapatan ini bertentangan dengan Bushan dan Medury (2014) yang mendapati terdapat hubungan positif yang kuat antara pengetahuan kewangan dengan tingkah laku kewangan individu. Kajian mereka mendapati individu yang mempunyai tahap pengetahuan kewangan yang tinggi akan mempunyai tingkah laku kewangan sangat baik dalam aspek perancangan, belanjawan, kawalan tunai. Namun begitu, dapatan kajian ini selari dengan Zaimah dan Fatimi (2021) yang mendapati pengetahuan kewangan tidak mempunyai hubungan dengan tingkah laku kewangan. Maka, walaupun hasil kajian ini menunjukkan hubungan korelasi yang positif di antara pengetahuan kewangan dan tingkah laku kewangan tetapi pengaruhnya adalah sangat lemah antara satu sama lain.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa generasi milenial yang cenderung merancang kewangan akan menjadi lebih selektif terhadap perancangan kewangan mereka. Mereka lebih memilih perancangan kewangan berbentuk jangka pendek seperti mengurus simpanan, kredit dan pelaburan

berbanding merancang tunai, insurans dan harta pusaka berkemungkinan kerana menyedari ketidakcukupan sumber kewangan untuk memenuhi matlamat kewangan mereka. Keputusan ini selari dengan Noor Izyani dan Khadijah (2019) yang mendapati perancangan kewangan jangka pendek golongan belia lebih terfokus kepada sasaran kewangan yang terdekat seperti mendirikan rumah tangga, persediaan persekolahan anak-anak dan simpanan, pembiayaan aset dan juga awasan (simpanan kecemasan). Manakala perancangan jangka masa panjang belia pula tertumpu dalam persediaan untuk menghadapi hari persaraan dan persediaan mengerjakan ibadat haji.

Bagi aspek pengetahuan kewangan, hasil kolerasi kajian selari dengan dapatan kajian Husniyah dan Mohd Amim (2015), iaitu pengetahuan kewangan tidak menunjukkan perkaitan signifikan dalam mempengaruhi perancangan kewangan yang komprehensif kerana hanya beberapa aspek perancangan kewangan sahaja yang dipertimbangkan oleh responden. Walau bagaimanapun, dapatan ini bertentangan dengan Asian Institute of Finance (2015) yang menyatakan bahawa kebanyakan generasi muda Malaysia tidak membuat perancangan

keuangan dan simpanan persaraan yang mencukupi kerana kurangnya pengetahuan kewangan kesan daripada pendidikan kewangan yang rendah. Maka, dirumuskan bahawa responden kajian perlu lebih berusaha untuk meningkatkan sumber pendapatan mereka di samping mula membuat perancangan yang lebih menyeluruh terhadap kesemua elemen perancangan kewangan.

Jadual 4 menunjukkan hubungan pengetahuan kewangan dan tingkah laku kewangan dengan perancangan kewangan persaraan. Hasil ujian mendapati hubungan di antara perancangan kewangan persaraan dengan pengetahuan kewangan dan tingkah laku kewangan adalah tidak setara.

Keputusan nilai korelasi di antara pengetahuan kewangan dan perancangan kewangan persaraan menunjukkan tiada hubungan yang signifikan ($r=.074$, $p>.05$). Dapatan ini bertentangan dengan Noor Izyani dan Khadijah (2019) yang menyatakan bahawa individu yang mempunyai pengetahuan kewangan berupaya merancang kewangan secara berkesan tanpa mengira sumber dan pendapatan yang diperolehi. Maka dapat dirumuskan bahawa tahap pengetahuan kewangan yang tinggi dalam kalangan responden kajian ini tidak memberikan sebarang kesan kepada perancangan kewangan persaraan mereka.

JADUAL 4. Hubungan antara perancangan kewangan persaraan dengan pengetahuan kewangan dan tingkah laku kewangan

	Perancangan Kewangan Persaraan	Pengetahuan Kewangan	Tingkah Laku Kewangan
Perancangan Kewangan Persaraan	1		
Pengetahuan Kewangan	.074 .224	1	
Tingkah Laku Kewangan	.565** .000	.133* .028	1

**Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)

*Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed)

Walau bagaimanapun, analisis ini menunjukkan nilai korelasi di antara tingkah laku kewangan dengan perancangan kewangan adalah signifikan dan positif sederhana iaitu ($r=.536$, $p<.05$). Keputusan ini dilihat selari dengan Mohd Amim (2017) yang mengkaji perancangan kewangan daripada perspektif Islam. Perancangan kewangan Islam mempunyai perkaitan yang positif walaupun kekuatan korelasi adalah lemah dan sederhana dengan faktor sosialisasi seperti tingkah laku, niat, norma, sikap dan kesejahteraan kewangan. Dapatan ini juga selari dengan Noor Izyani dan Khadijah (2019) yang menjelaskan bahawa segelintir belia berjaya melakukan perancangan kewangan yang baik hasil daripada pemerhatian tingkah laku kewangan persekitaran mereka seperti amalan menabung yang diterapkan sejak kecil oleh ibu bapa, menghadiri atau menyertai program-program berkaitan kewangan, aktiviti atau latihan kewangan digital dan sebagainya.

KESIMPULAN

Kemodenan teknologi perubatan dan kesihatan pada hari ini telah membolehkan manusia generasi hari ini hidup lebih lama berbanding generasi terdahulu. Keadaan ini pastinya menuntut perancangan kewangan persaraan yang kukuh bagi menampung keperluan sumber kewangan untuk jangka hayat hidup yang lebih lama. Terdapat banyak kajian-kajian lepas yang menyatakan bahawa sesuatu perancangan kewangan persaraan seharusnya dilakukan pada peringkat fasa awal pekerjaan. Hal ini kerana setiap individu perlu merancang, mengatur dan menguruskan sumber kewangan yang ada agar setiap pendapatan yang diperolehi dapat diagihkan dengan betul dan sistematik untuk keperluan kewangan jangka pendek dan jangka panjang. Generasi milenial telah dipilih sebagai sampel kajian ini memandangkan mereka sedang melalui fasa awal alam pekerjaan dan sering berhadapan dengan pelbagai isu berkaitan kewangan. Justeru kajian ini dilakukan untuk mengetahui tahap perancangan kewangan persaraan generasi milenial demi kestabilan kewangan masa depan mereka.

Tahap perancangan kewangan persaraan generasi milenial di JPA, Putrajaya berada pada tahap yang tinggi. Daripada keseluruhan enam elemen perancangan kewangan persaraan tersebut, empat elemen perancangan kewangan persaraan telah memperolehi nilai tertinggi, iaitu pengurusan tunai, simpanan, insurans dan perancangan harta pusaka, manakala dua elemen memperolehi nilai sederhana, iaitu pengurusan kredit dan perancangan pelaburan. Tahap pengetahuan kewangan dan tingkah laku kewangan generasi milenial juga berada pada tahap tinggi. Rata-rata generasi milenial mengamalkan tingkah laku kewangan yang baik terutamanya dalam hal-hal kewangan berkaitan pembayaran, seperti membayar bil-bil utiliti, ansuran/sewa rumah dan kereta/motosikal. Penelitian dalam hal berkaitan perbelanjaan harian, belanjawan bulanan dan simpanan untuk tujuan kecemasan serta persaraan juga berada pada tahap sederhana tinggi. Hal ini kerana rata-rata generasi milenial menunjukkan amalan perbelanjaan secara berhemah mengikut kemampuan pendapatan, membuat belanjawan dan meneliti perbelanjaan pada akhir bulan. Selain itu, mereka juga didapati sedar akan pentingnya untuk merancang kewangan secara teratur bagi memastikan segala keperluan dan matlamat kewangan mereka tercapai.

Hasil ujian korelasi menunjukkan faktor berkaitan tingkah laku kewangan mempunyai hubungan dengan perancangan kewangan persaraan. Faktor berkaitan tingkah laku kewangan mempunyai hubungan yang positif sederhana dengan perancangan kewangan persaraan. Manakala korelasi antara perancangan kewangan persaraan dan pengetahuan kewangan tidak menunjukkan sebarang hubungan yang signifikan. Walaupun dapatan ini berbeza dengan kajian-kajian lepas, ia menunjukkan bahawa senario perancangan kewangan persaraan yang berlaku dalam kalangan generasi milenial di JPA, Putrajaya bukan kerana faktor pengetahuan kewangan. Hal ini kerana generasi milenial kajian sememangnya celik maklumat dan telah mempunyai kefahaman jelas berkaitan hal kewangan. Justeru itu, pengetahuan kewangan bukan faktor penyebab utama untuk mereka melakukan perancangan kewangan, sebaliknya faktor tingkah laku kewangan yang lebih mendorong mereka untuk melaksanakannya.

Walaupun dapatan kajian ini menunjukkan perancangan kewangan persaraan, pengetahuan kewangan dan tingkah laku kewangan generasi milenial di JPA, Putrajaya berada pada tahap

tinggi. Namun penemuan kajian menunjukkan perancangan kewangan persaraan mempunyai kelemahan secara relatif dalam aspek pengurusan kredit dan perancangan pelaburan. Maka, kajian ini mencadangkan penambahbaikan terutamanya dalam program pendidikan kewangan kepada generasi milenial kajian. Program pendidikan kewangan secara berkala seperti seminar, ceramah dan latihan berkaitan perancangan kewangan atau mewujudkan modul pra persaraan baharu perlu dilaksanakan. Modul pra persaraan yang dibentuk perlu menekankan aspek pengurusan kredit dan pelaburan kerana ia merupakan kelemahan generasi milenial di JPA, Putrajaya dalam perancangan kewangan. Pendedahan dan bimbingan sebegini diharap membantu generasi milenial kajian meningkatkan amalan pengurusan kewangan dan membantu mereka berhadapan dengan sebarang isu berkaitan kewangan pada masa hadapan.

Tidak dapat dinafikan bahawa kajian ini juga mempunyai limitasinya tersendiri. Data yang dikumpul hanya untuk kumpulan penjawat awam generasi milenial yang bekerja di JPA, Putrajaya. Oleh itu, hasil kajian ini tidak mungkin boleh menggambarkan senario keseluruhan penjawat awam generasi milenial di Malaysia. Selain itu, kajian ini juga berbentuk kuantitatif dan hasil yang diperolehi tidak dapat menerangkan secara terperinci perancangan kewangan persaraan mereka. Namun begitu, diharapkan hasil kajian ini dapat dijadikan panduan oleh pihak berkepentingan dalam merangka dasar yang bersesuaian untuk penjawat awam pada masa hadapan. Sekurang-kurangnya hasil kajian mendedahkan bahawa penjawat awam generasi milenial di negara ini masih belum stabil dalam perancangan kewangan persaraan mereka.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Geran FRGS/1/2019/SS08/UKM/02/1 kerana menyokong dan membiayai penerbitan artikel ini.

RUJUKAN

- Aishah Mohamed & Katiman Rostam. 2012. Warga tua Melayu di pinggir wilayah metropolitan, Selangor: Pengalaman dan persepsi tentang diri. *Malaysia Journal of Society and Space* 8: 1-14.
- Arunagiri, S. & Faudziah Zainal Abidin. 2013. Retirement confidence and preparedness: A study among working adults in a northern state in Malaysia. Conference on Business Management Research 2013. Universiti Utara Malaysia. Sintok, 11 December.

- Atchley, R.C.1997. *Social Forces and Ageing: An Introduction to Social Gerontology*. California: Wadsworth Publishing Company.
- Bank Negara Malaysia. 2013. Persediaan kewangan sebelum persaraan. https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en_publication&pg=en_ringggit&ac=43&lang=en&bb=file. [14 Februari 2020].
- Bell, E. & Lerman, R. I. 2005. Can financial literacy enhance asset building? Opportunity and ownership project. *The Urban Institute* 9(6): 1-7.
- Bernheim, B. D, Jonathan, S. & Steven, W. 2001. What account for variation in retirement wealth among U.S household. *The American Economic Review* 91(4): 832-857.
- Bernheim, B. D. 1998. *Financial literacy, education and retirement saving in living with defined contribution pension*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Bushan, P. & Medury, Y. 2014. An empirical analysis of inter linkages between financial behaviour and financial knowledge of salaried individual. *India Journal of Commercial & Management Studies* 5(3): 58-64.
- Chan, B.Y.F, Jariah Masud, Tengku Aizan Hamid & Laily Paim. 2010. Financial well being of older Peninsular Malaysians: A gender comparison. *Asian Social Science* 6: 58-71.
- Choi, J.J.L, Madrian. B. & Metrick, A. 2002. Defined contribution pensions plan rules, participation decisions and the path of least resistance. Tax policy and the economy. *National Bureau of Economic Research* 16: 67-113.
- Choudhry, S. & Leonesio, M.V. 1997. Life cycle aspects of poverty among older women. *Social Security Bulletin* 60(2): 17-36.
- Chua Yan Piaw. 2014. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan. Buku 1. Kaedah Penyelidikan*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Clark, L.R., Ambroso, B. M., McDermed, A.A. & Sawant, K. 2006. Retirement plans and savings decision: The role of information and education. *Journal of Pension Economics and Finance* 5(1): 45-67.
- Cronbach, L. J. 1946. Response sets and test validity. *Educational and Psychological Measurement* 6: 672-683.
- Gallery, G. & Gallery. N. 2005. Paradox of choice in a mandatory pension saving system: challenges for Australian retirement income policy. *QUT Research Literature* 33(3): 519-32.
- Garman, E.T. & Sorhaindo. 2002. Profina debt solutions 18-month panel study: Changes in financial behavior and incidence of financial stressor. Interim Report 2002. http://www.education.incharge.org/_assets/research_reports_and_publications/76.pdf [3 November 2018].
- Guliman, S. D. O. 2015. An evaluation of financial literacy of micro and small enterprise owners in Iligan City: Knowledge and Skills. 9th Global Business Conference. Filipina.
- Henry, R. A., Weber, J. G. & Yarbrough, D. 2001. Money management practices of college students. *College Student Journal* 35(2): 244-249.
- Hilgert, M.A, Hogarth J.M. 2003. Household financial management: The connection between knowledge and behavior. *Federal Reserve Bulletin* 89(7): 309-322.
- Husniyah Abdul Rahim & Fazilah Abdul Samad. 2009. The impact of financial management practices on financial well-being of families in Malaysia. *Jurnal Pengguna Malaysia* 12: 27-41.
- Huston, S. J. 2010. Measuring financial literacy. *The Journal of Consumer Affairs* 44 (2): 296-316.
- Ismail Ahmad. 2004. Keberkesanan program persediaan sebelum bersara. *Jurnal Pengurusan Awam* 2(1), 57-64.
- Jariah Masud, Husna Sulaiman, Tengku Aizan Tengku Abdul Hamid & Rahimah Ibrahim. 2012. Financial practice and problems amongst elderly in Malaysia. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum* 20(4): 1065-1084.
- Jessica Ong Hai Liaw. 2014. Belia muflis akibat belanja luar kemampuan. http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20140415/re_05/Beliamuflis-akibat-belanja-luar-kemampuan [5 Oktober 2019].
- Jobli, M. 2005. Faktor pemilihan kerjaya selepas persaraan di kalangan anggota tentera yang akan bersara. Tidak diterbitkan. Tesis Majani Hj Jobli, Program Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Malaysia Sarawak.
- Jodi, L.P. & Phyliss, J. J. 1998. The impact of financial attitudes and knowledge on financial management and satisfaction of recently married individuals. *Financial Counseling and Planning* 9(2): 59-75.
- Joo, S. & Grable J.E. 2004. An exploratory framework of the determinants of financial satisfaction. *Journal of Family and Issues* 25(1): 25-50.
- Khoong, T.W. 2015. Evidence of behavioral finance theory in financial planning: An empirical study of the Employees Provident Fund (EPF) retirement scheme in Malaysia. *Journal of Wealth Management & Financial Planning* 2(4):3-16.
- Lai, M. & Tan, W. 2009. An empirical analysis of personal financial planning in an emerging economy. *European Journal of Economics, Finance and Administrative Sciences* 16: 99-111.
- Lai, M. M., Lai, M. L. & Lau, S. H. 2009. Managing money and retirement planning: Academics perspectives pensions. *An International Journal* 14(4): 282-292.
- Lim, V.K.G. 2003. An empirical study of older workers attitudes towards the retirement experience. *Employee Relations* 25(4): 330-346.

- Lusardi, A. & Mitchell, O. S. 2007. Financial literacy and retirement preparedness: Evidence and implications for financial education. *Business Economics*: 35-44.
- Lusardi, A. & Mitchell, O. S. 2011. Financial literacy and planning: implications for retirement well being. National Bureau Economic Research Working Paper. No. 17078. Cambridge.
- Lusardi, A. 2005. *Saving and the effectiveness of financial education in pension design and structure*. New York: Oxford University Press.
- Magesvari, R., Husaina, B. K. & Muhamad Faizal A. Ghani. 2018. Faktor sosioekonomi yang mempengaruhi kemahiran literasi kewangan pelajar sekolah menengah di Negeri Sembilan. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 5(3): 10-33.
- Mohd Abdullah Jusoh & Nur Atiqah Abd Talib. 2018. Literasi dan tingkahlaku kewangan usahawan mikro di utara semenanjung Malaysia. *Management Research Journal* 8(1): 244-259.
- Mohd Amim Othman. 2017. Faktor-faktor literasi, sosialisasi dan tingkah laku pengguna terhadap perancangan kewangan islam berdasarkan teori tingkah laku yang terancang dalam kalangan kakitangan awam di wilayah persekutuan, Putrajaya. Tidak diterbitkan.
- Mohd. Amim Othman, Ab. Mumin, A.G., Husniyah, A.R. 2015. Perancangan kewangan dan kesejahteraan kewangan dalam kalangan penjawat awam beragama islam. *Jurnal Pengguna Malaysia*: 96-111.
- National Summit on Retirement Savings: Final Report. 2002. Saving for a lifetime: advancing generation prosperity. <http://www.dol.gov/ebsa/pdf/02NatlSummitFinal.pdf>. [2 September 2019].
- Noor Izyani Hassan Sabri & Khadijah Alavi. 2019. Meneroka literasi perancangan kewangan belia B40 berpandukan pendidikan psikososial. *Jurnal Wacana Sarjana* 3(1): 1-8.
- Nornadia Liz Zakaria, Mohamad Fazli Sabri & Husniyah Abd. Rahim. 2017. Penilaian impak program pendidikan kewangan dalam kalangan peserta program bijak wang. *Jurnal Pengguna Malaysia* 2 (Disember): 19-38.
- Nuraini Abdullah, Mohamad Fazli Sabri, Husniyah Abdul Rahim, Mohd. Amim Othman, Afida Mastura Muhammad Arif & Nurul Farhana Zakaria. 2013. Pengurusan kewangan dalam kalangan pekerja muda. *Jurnal Pengguna Malaysia* 21 (Disember): 16-34.
- Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC). 2012. https://www.insuranceinfo.com.my/help_and_advice/announcement_article.php?intPrefLangID=2&&int ArticleID=88 [29 September 2019].
- Rubayah Yakob, Hawati Janor & Nur Ain Khamis. 2015. Tahap literasi kewangan dalam kalangan pelajar universiti awam: kajian di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalita Pelajar* 18(1): 75-88.
- Sabri Mohd Faiz & Teo, T.J. 2014. The effects of financial literacy, financial management and savings motives on financial well-being among working women. *Journal of Wealth Management & Financial Planning* 1: 20-32.
- Shefrin, H. 2002. *Beyond Greed and Fear: Understanding Behavioral Finance and The Psychology of Investing*. Edisi ke-2. New York: Oxford University Press.
- Sucuahi, W.T. 2013. Determinants of financial literacy of micro entrepreneurs in Davao City. *International Journal of Accounting Research* 1(1): 44-51.
- Tengku Aizan Tengku Abd Hamid, Nurizan Yahaya dan Norisma Aiza Ismail. 2004. *Profil Warga Tua Berpendapatan Rendah Selangor*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Titus, P.M., Fanslow A.M. & Hira T.K. 1989. Net-worth and financial satisfaction as a function of household money manager's competencies. *Home Economics Research Journal* 17(6): 309-317.
- Yamane, Taro. 1967. *Statistics: An Introductory Analysis*. Edisi ke-2. New York: Harper and Row.
- Yiing Jia Loke. 2015. Financial knowledge and behaviour of working adults in Malaysia. *The Journal of Applied Economic Research* 9(1): 18-38.
- Yuswohady. 2016. Millennial Trends 2016. <http://www.yuswohady.com/2016/01/17/millennial-trends-2016/> [11 November 2019].
- Zaimah Ramli & Fatimi Yusoff. 2021. Pengurusan kewangan dalam kalangan pesara. Dlm. Kadir Arifin & Noordeyana Tambi (Pnyt.). *Kemakmuran dan Keseimbangan Pembangunan* 77-94. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- Zaimah Ramli, Jariah Masud, Sharifah Azizah Haron, Mumtazah Othman, Abd Hair Awang & Sarmila Md. Sum. 2014. Faktor-faktor penentu kesejahteraan kewangan pekerja sektor awam berkahwin di Malaysia. *Prosiding PERKEM Ke-9 (2014)*, hlm. 804-812.
- Zaimah Ramli, Sarmila Md. Sum, Azima Abdul Manaf, Suhana Saad, Lyndon, N., Mohd Yusof Hussain & Selvadurai, S. 2012. Tingkah laku kewangan guru di Bandar Baru Bangi, Selangor. *Geografia Online, Malaysia Journal of Society and Space* 8. 6 (42-48).
- Zulkarnain Zakaria & Hishamuddin Md. Som. 2001. *Analisis Data Menggunakan SPSS Windows*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Zuriana Mohamed & Rosniyati Abd Razak. 2012. Kajian persepsi pelajar terhadap impak kursus pengurusan kewangan peribadi jabatan perdagangan politeknik Port Dickson. <https://www.scribd.com/doc/193420894/Contoh-Soal-Selidik-Urus-Duit> [10 Januari 2020].

Zaimah, R. (corresponding author)
Program Sains Pembangunan,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor.
Email: zaimahr@ukm.edu.my

Nurulhuda Muhamad Yusof
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 Putrajaya, Malaysia
Email: nurulhudayusof1982@gmail.com

Sarmila, M. S.
Program Sains Pembangunan,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor.
Email: sarmila.mdsun@ukm.edu.my

Abd Hair Awang
Program Sains Pembangunan,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor.
Email: hair@ukm.edu.my